

OPS GEMPUR BERSEPADU BIL 5/2023 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

25 Mei 2023, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 5/2023 ke atas premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan Premis Yang Ditetapkan (PYDT) di dalam Negeri Melaka.

Operasi ini dianggotai seramai 15 pegawai penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka. Sebanyak 13 premis telah diperiksa yang membawa kepada 13 Arahan di Lapangan, 2 penyediaan kertas siasatan bagi tujuan 4 tawaran kompaun, dan 3 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di atas ketidakpatuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka